



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD, 5 JUN 2022	
1.	JPV jamin bekalan ayam selesai Julai
2.	Ayam segar tiada sambutan pula -pengguna di Pahang lega, bekalan ayam mencukupi
3.	Springhill dah jadi Bandar lembu ?
4.	Biri-biri cepat matang
5.	Birds at affordable prices on rakyat's wishlist -chicken supply to be restored by AidilAdha

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
05.06.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

JPV jamin bekalan ayam selesai Julai

Serdang: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi jaminan isu bekalan ayam di negara ini akan selesai menjelang bulan hadapan, kata Ketua Pengarahnya, Datuk Norlizan Mohd Noor.

Katanya, ia berdasarkan hasil daripada beberapa pendekatan dilakukan untuk menyelesaikan isu berkenaan, termasuklah libat urus antara Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiang bersama pihak berkaitan di lapangan.

Beliau berkata, JPV antara lain sudah menerima jaminan daripada pihak peserta industri yang komited untuk terus meningkatkan pengeluaran, selepas sesi pertemuan secara bersemuka diadakan baru-baru ini.

Norlizan juga berkata pegawai dan juruaudit JPV serta JAKIM sudah digerakkan bagi kerja pengauditan rumah sembelih sedia ada atau baharu di beberapa negeri yang diyakini mampu menyediakan sumber lebih luas dan banyak pada harga kompetitif,

jika memenuhi syarat ditetapkan.

"Insya-Allah, menjelang sambutan Aidiladha kita menjangkakan bekalan (ayam) mencukupi. Ini komitmen semua pihak terbabit, daripada peserta industri, kementerian dan keazaman kerajaan.

"Satu lagi sumber import, kita sudah mula buka kebenaran mengimport ayam sejak Januari lalu, dan memang ada kemasukan dengan perincian lengkap ada pada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Ada kemasukan (ayam import) dan ini bantu tampung kekurangan yang ada. Seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob umumkan, kita sudah hapuskan Lesen Import (AP),

"Dulu keratan ayam masuk untuk proses, tetapi kini boleh 'trading' dan jual di mana-mana. Insy-Allah ini akan membantu," katanya pada sidang media Majlis Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2022 di sini, semalam.



Norlizan Mohd Noor

Terdahulu, majlis bertemakan 'Memperkasakan Daya Tahan Kualiti Perkhidmatan Veterinar' itu dirasmikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid.

Mengenai faktor kekurangan bekalan ayam, Norlizan berkata, ia berpunca akibat penyakit sampar ayam ekoran peratusan jangkitan meningkat akibat program pemvaksinan tidak mengikut regim sepatutnya, selain kekurangan pekerja dan sebagainya.

Beliau berkata, perubahan cuaca adalah antara faktor yang menyebabkan ayam yang ditanak secara sistem reban terbuka mengalami masalah tekanan, tidak cekap dan mengalami kelewatan pertumbuhan.

"Ayam sepatutnya dalam 35 hingga 42 hari kita sudah boleh 'harvest' dengan berat 1.5 hingga dua kilogram. Namun, disebabkan perkara seperti ini, kita akui memang ada elemen (yang menyebabkan gangguan bekalan).

"Selain itu, kos pengeluaran juga meningkat. Apabila kos makanan meningkat, melebihi 30 peratus dan 70 peratus daripada keseluruhan kos adalah makanan, memang akan nampak impak signifikan pada kos pengeluaran.

Sementara itu, Haslina berkata, pihaknya ketika ini tidak menerima sebarang aduan berkaitan kenaikan harga ayam selain menjelaskan bekalan barangan berkenaan di negara ini adalah mencukupi.

'Ayam segar tiada sambutan pula'

Peniaga mengenakan caj potong ayam RM1 dan harga meningkat faktor jualan merosot

Laporan MOHD AZLIM ZAINURY, HAZELI LIANA KAMARUDIN dan NIK AMIRUL MU'IN NIK MIN SHAH ALAM

Ayam segar tiada sambutan! Seorang peniaga ayam enggan dikenali berkata, sebelum ini dia mampu menjual sehingga lebih 200 kilogram (kg) ayam sehari, namun kini sekitar 100kg sahaja. "Sekarang ini pula peniagaan susut kerana harga ayam semakin naik. Pelanggan asyik merungut kerana harga sekilogram ayam jadi mahal disebabkan ada caj potong yang dikenakan. "Memang tak pernah peniaga mengenakan caj potong ayam RM1 bagi setiap sekilogram, saya sendiri sudah berniaga lebih 10 tahun tapi kali ini terpaksa kenakan caj potong ayam," katanya ketika ditemui pembanta pada Sabtu. Rata-rata peniaga dan peng-



Sazali di reruai jualan ayam segarnya di Pasar Moden Seksyen 16, Shah Alam, Selangor.

guna melahirkan rasa kecewa berikutan harga ayam belum stabil atau dipulihkan walaupun dikekalkan pada harga rendah.

Tinjauan di pasar sekitar Shah Alam mendapati hampir kesemua peniaga menjual sekilogram ayam pada RM8.90, dan mereka perlu mengenakan 'caj tambahan'.

Caj potong sebanyak RM1 bagi setiap kilogram terpaksa dikenakan bagi menstabilkan pendapatan peniaga.

Peniaga yang ditemui Sinar Ahad mendakwa, harga ayam kini bukan sahaja mahal, malah terpaksa tanggung kerugi-


an berikutan jualan merosot.

Perkara itu turut diakui seorang peniaga di Pasar Moden Seksyen 16, Sazali Ramli, 43, bahawa caj potong perlu dikenakan kerana peniaga perlu mendapat sedikit keuntungan.

"Kebanyakan ayam yang sampai sudah RM8.50 sekilogram, kami jual RM8.90. Kalau seekor ayam seberat 2kg, kami hanya dapat sekitar 80 sen."

"Sebab itu, kita terpaksa mengenakan caj potong RM1 bagi setiap kilogram. Situasi ini buat kami semua tersepit," katanya.

Seorang lagi peniaga ayam di Seksyen 6, Kamaruddin



Ridhuan menunjukkan ayam segar jualannya di Tumpat, Kelantan yang masih berbaki walaupun sudah jam 2 petang ketika itu.

Mohamed, 46, berkata, kerajaan perlu menstabilkan semula harga di pasaran secara lebih adil.

"Perlu kuat kuasa bermula dari ladang, penternak dan pengusaha pusat pemproses wajib memberi kerjasama agar peniaga tidak tersepit," katanya.

Di TUMPAT, peniaga di sini mengakui pening kepala memikirkan pelbagai isu melibatkan bualan mentah itu seperti kekurangan bekalan, kenaikan harga dan sebagainya yang sedang berlaku ketika ini.

Para peniaga ayam di sini juga berdepan dengan 'lambakan' bualan mentah itu yang ku-

rang laris di pasaran.

Peniaga, Ridhuan Abdul Rahman, 26, berkata, jualan ayam segar ketika ini agak perlahan.

"Sebelum ini, kami boleh jual sekitar 300 hingga 400 ekor ayam sehari dan tidak sampai jam 12 tengah hari ia sudah habis."

Tetapi sekarang bekalan hanya sekitar 150 hingga 200 ekor sehari tetapi tidak laku," katanya.

Menurutnya, situasi tersebut menyebabkan mereka terpaksa melelong ayam dengan harga paling murah iaitu sekitar RM7.90 sekilogram bagi mengelakkan ia busuk dan rosak.

Pengguna di Pahang lega, bekalan ayam mencukupi

KUANTAN - Peniaga ayam di daerah ini kini mampu menarik nafas lega apabila bekalan ayam dihantar pembekal untuk dijual setiap hari mencukupi dan mengikut jumlah yang dipesan sejak beberapa hari lalu.

Peniaga juga mengakui mereka tidak berdepan masalah kekurangan pelanggan sebaliknya permintaan orang ramai tetap menggalakkan.

Tinjauan di Pasar Balok di sini pada Sabtu mendapati, operasi peniagaan di gerai menjual ayam berjalan lancar, malah ada gerai yang tutup lebih awal kerana bekalan ayam habis terjual.

Bagi Ali Akbar Othman, 50, itu kekurangan bekalan ayam yang berlaku hingga meresahkan peniaga dan pengguna sebelum ini boleh dianggap senasib.

Menurutnya, bekalan ayam segar yang diterima sudah mengikut jumlah dipesan iaitu



SHAHROM

ALI AKBAR



ROKIAH

JAMILAH

lebih 150 ekor setiap hari berbanding separuh daripada jumlah bekalan sebelum ini. "Walaupun harganya ter-

paksa dinaikkan, permintaan pelanggan tetap menggalakkan, malah hari ini (Sabtu), semua bekalan ayam habis terjual lebih awal," katanya.

Peniaga, Shahrom Mohamad, 41, berkata, menjangkakan permintaan bekalan ayam meningkat sempena cuti persekolahan ini.

Katanya, berdasarkan jumlah stok yang diterima ketika ini, tiada masalah untuk membekalkan ayam jika ada permintaan untuk majlis kenduri dan sebagainya.

"Kenaikan harga memang tidak boleh dielakkan kerana dari pembekal juga sudah tinggi, namun pada saya ia masih berpatutan," katanya.

Pandangan sama diberikan peniaga, Rokiah Man, 60, yang mula lega dengan perkembangan bekalan ayam ketika ini.

Da yang hampir 'berduduk' ketika kemuncak isu itu mengaku kini mampu menarik na-



Operasi peniagaan di gerai jualan ayam Pasar Balok, Pahang berjalan lancar selepas peniaga mula menerima bekalan mencukupi daripada pembekal sejak beberapa hari lalu.

far lega apabila bekalan ayam diterima kembali seperti biasa iaitu lebih 100 ekor sehari.

"Sebelum ini, pesan 100 ekor yang dapat hanya 20 ekor, macam mana hendak berniaga?" katanya yang menerima bekalan ayam dari dua pembekal.

Seorang lagi peniaga, Jamilah Embong, 60, yang sudah ber-

kecimpung dengan industri itu sejak lebih 30 tahun lalu mengakui ada pelanggan yang datang ke gerainya membeli ayam dalam jumlah lebih dari biasa.

"Saya minta kerajaan ambil langkah sewajarnya bagi memastikan isu bekalan dan harga ayam dapat diselesaikan dan tidak berulang lagi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
05.06.2022	METRO AHAD	LOKAL	9

Springhill dah jadi bandar lembu?

Port Dickson: Geram tidak berkata apabila penduduk sekitar Bandar Springhill di sini, terpaksa berhadapan dengan masalah lembu 'liar' saban hari.

Kehadiran ratusan lembu tanpa gembala itu menyebabkan kawasan perumahan itu dicemari dengan najis binatang ternakan itu.

Salah seorang penduduk, Vira Hashim berkata, Bandar Springhill adalah kawasan kediaman yang indah namun kerap dicerobohi ratusan lembu tanpa mengira waktu.

"Saya sudah tinggal di sini sejak lebih 15 tahun lalu dan amat kecewa dengan situasi ini.

"Selain masalah tahi lembu yang bersepah di jalan raya atau kawasan taman ini, masalah kemalangan membabitkan lembu juga kerap berlaku," katanya.

Katanya, masalah ini (lembu berkeliaran) sudah kerap diadukan kepada pihak berkuasa tempatan



BEBERAPA ekor lembu yang berkeliaran dan merosakkan landskap di bulatan Bandar Springhill.



LEMBU berkeliaran undang bahaya kepada pengguna jalan raya. (PBT), tetapi masalah ini terus berlanjutan sehingga kini.

"Masalah ini bukan baru tetapi tiada jalan penyelesaian yang mana pihak PBT perlu lebih kerap membuat operasi tangkapan binatang

peliharaan ini lebih kerap.

"Mereka (PBT) perlu ber-tegas dengan pemilik lembu ini dengan mengenakan denda yang tinggi dan tidak bertolak ansur soal denda yang dikenakan kepada pemilik lembu agar mereka se-

rik dan tidak membiarkan lembu ini berkeliaran," ujarnya.

Vira berkata, masalah ini sudah terlalu lama dan masih belum dapat ditangani lagi.

"Port Dickson adalah kawasan pelancongan dan sepatutnya masalah ini sudah dapat diatasi kerana secara tidak langsung memberikan satu imej yang tidak baik kerana di Bandar Springhill terdapat satu pusat pendidikan bertaraf antarabangsa, Universiti UCSL.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Mohd Zamri Mohd Esa berkata, masalah lembu liar ini sudah lama berlaku dan pihaknya sentiasa mengambil tindakan atas aduan yang diterima.

"Operasi memang sentiasa dilakukan sepanjang masa dan denda maksimum RM2,500 dikenakan bagi setiap seekor lembu yang dapat ditangkap," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
05.06.2022	HARIAN METRO	XPRESI	36

BIRI-BIRI CEPAT MATANG

Dalam tempoh lapan bulan, kambing berkenaan cukup tempoh untuk membiak

AGRO

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Hanya disebabkan gemar menikmati hidangan berasaskan daging kambing, lelaki berusia 37 tahun ini tidak menyangka akhirnya bergelar penternak daging secara serius pada hari ini.

Bagi pemilik nama Mohd Fairul Jamari, menjadi penternak kambing bukan sesuatu perkara mudah kerana ia memerlukan ilmu pengetahuan supaya segala usaha yang dilakukan tidak sia-sia.

Jelasnya, selama setahun sebelum mengambil langkah pertama membeli induk kambing biri-biri pada 2019, dia menyertai pelbagai kursus penternakan di seluruh negara.

"Saya gemar menu yang berasaskan daging kambing seperti kambing perap. Jadi, lama-kelamaan saya terfikir mengapa tidak memernak

sendiri haiwan ini. "Tambahan pula, permintaan kambing di Malaysia sentiasa ada terutama bagi majlis akikah atau sambutan perayaan. Sehingga baru-baru ini saya terpaksa menotak tempahan kerana bekalan tidak mencukupi," katanya.

Mohd Fairul berkata, pada awalnya dia hanya memiliki kira-kira enam kambing biri-biri. Seekor jantan dan selebihnya adalah betina untuk dijadikan induk. Dalam tempoh kira-kira lapan bulan, haiwan berkenaan sudah matang untuk membiak.

"Berbanding kambing tempatan biasa, tempoh matang kira-kira setahun baru boleh membiak. Jadi bagi saya, membiak kambing biri-biri lebih mudah berbanding kambing biasa.

"Dari segi kelahiran pula, kambing biri-biri boleh melahirkan seekor hingga tiga ekor anak. Namun, ia tidak semudah yang disangka kerana



KAMBING biri-biri yang diberi makanan jenis foraj.


sebagai penternak kita perlu tahu mengenai keperluan haiwan berkenaan bagi mengurangkan kadar kematian ketika kelahiran," katanya.

Mohd Fairul berkata, dia pernah mengalami kematian anak kambing berkenaan biasanya melahirkan anak pada sebelah malam. Jika si ibu tidak pandai mengendalikan anak yang baharu lahir, keadaan itu boleh menyebabkan risiko kematian.

"Selain itu, cabaran yang perlu saya hadapi pastinya mengenai diet haiwan ini kerana makanan adalah elemen yang paling penting bagi memastikan kambing biri-biri tidak mengalami masalah kesihatan dan mati

Berbanding kambing tempatan biasa, tempoh matang kira-kira setahun baru boleh membiak. Jadi bagi saya, membiak kambing biri-biri lebih mudah berbanding kambing biasa

MOHD FAIRUL



KAMBING biri-biri lebih cepat matang

"Jadi, apabila mengikuti kursus penternakan saya dapat mengetahui simptom masalah kesihatan kambing biri-biri seperti kembung. Mungkin, kalau manusia kembung adalah penyakit yang ringan.

"Ia tidak kepada kambing kerana boleh menyebabkan kematian jika tidak diubati dengan segera. Saya pernah berdepan kematian kambing biri-biri kerana masalah kembung perut," katanya.

Menjelaskan mengenai diet haiwan berkenaan katanya, kambing biri-biri ternakannya makan 10 peratus dedak dan foraj sebanyak 90 peratus. Kambing biri-biri memerlukan makanan sepuluh peratus daripada berat badannya.

Ketika ini, Mohd Fairul mempunyai 25 kambing biri-biri yang ditenak dalam kandang dan berhasrat untuk mempunyai lebih banyak haiwan ternakan itu pada masa depan.

"Buat masa ini, saya mengusahakan ternakan secara separuh masa memandangkan saya masih mempunyai pekerjaan tetap. Menyertai penternakan kambing ini sesuatu yang boleh memberi pendapatan tambahan.

"Namun, ia tidak mudah kerana hanya yang perlu difahami dari segi penjagaan. Bagi saya perkara paling penting ialah minat dan mencari ilmu dalam bidang ini," katanya mengakhiri perbualan.



KAMBING biri-biri induk melahirkan anak.



KAMBING gulek antara menu yang popular mendapat permintaan.

Birds at affordable prices on rakyat's wish list

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Middle-income families are keeping their fingers crossed that the prices of chicken will not go up too much from next month when the government subsidy to chicken breeders is withdrawn.

The government announced that the subsidy for breeders will be removed from July 1 and the aid to be channelled directly to those in need, especially the B40 group.

Though there are worries that the subsidy removal may lead to higher prices of chicken, the aid will come in handy for needy groups.

However, the ceiling price for chicken and eggs, which was supposed to end today, has been extended until the end of the month.

"With the subsidy for chicken breeders removed, I really hope that we won't have to bear the brunt of the move," said a secretary who only wanted to be known as Miriam.

"My family loves to eat chicken. But if it gets too expensive, then we will have to stop buying it," said the 42-year-old.

The lower-income group, however, are thankful that efforts are being made to channel the subsidy to them.

Civil servant Azmir Nordin, 41, said the subsidy would help ease his burden as chicken products such as eggs were quite costly now.

"I hope the subsidy mechanism will be widened to other products which are seeing an increase in prices by the day," he said.

Hotel employee M. Raju, 30, too feels the government should extend the move to other items such as flour and vegetables.

"This measure will surely help people cope with the high cost of living," he said.

In February, the government set a ceiling price of RM8.90 per kg for standard chickens and RM9.90 per kg for whole super chickens.

The ceiling price for grade A eggs



Costly enterprise: A worker tending to the chickens at a farm in Kuala Neraing

was set at 43 sen each, grade B eggs at 41 sen and grade C at 39 sen.

Tracy Tan, 55, said she would have to find other sources of meat if chicken prices rose steeply.

"We'll have to either eat fish or pork," said Tan, who cooks for a family of three.

Tan was also concerned that global uncertainties such as the Ukraine-Russia war could cause further price increases in chicken feed which would lead to costlier chickens.

"But if chicken breeders have been sustaining losses due to rising costs, the price increase is inevitable," she added.

A 40-year-old mother of two, Stephanie Lim, expressed concerns over the potential price hike on free-range chickens due to the removal of the subsidy.

Lim said her family only ate free-range or kampung chickens which cost RM25 per kg at present.

"If it goes to up RM30, then a 3kg free-range chicken could cost RM90. 'Chicken would soon be considered luxury food!'" she said.

Asked if she would consider switching from free-range to regular chicken, Lim said "no".

"I will feed my family free-range chicken for as long as I can afford it."

Meanwhile, chicken breeders are urging the government to introduce a floating price mechanism for chicken and allow the prices to be determined by market forces.

Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi) managing director Mazlina Kamarudin, 54, said factors contributing to costly chickens were the higher price of chicken feed, chicken supplements, vitamins, and maintenance and equipment.

The implementation of the RM1,500 minimum wage was also a reason.

She also said the announcement

on the subsidy removal for chicken breeders beginning July 1 was something they had accepted.

"But when the government stops the subsidy and ends the price control for chickens and eggs from July, we hope it will introduce a floating mechanism and let chicken prices be determined by the market."

"The subsidy scheme currently received by chicken breeders cannot cover the losses due to the increased price of chicken feed," she said.

Chicken breeder Muhammad Sufi Jamil, 32, urged the government to set up a body or government-linked company to run a national chicken feed corporation so that the country no longer needed to import chicken feed.

"The existing agencies under the Agriculture and Food Industries Ministry must be strengthened to help with the effort," he said.

Chicken supply to be restored by Aidiladha

SERDANG: The current chicken supply shortage is expected to be resolved in a month, says Veterinary Services Department director-general Datuk Dr Norliza Mohd Noor.

There will be adequate supply to meet demand for the Aidiladha celebration next month, he added.

Dr Norliza said this was following intervention and inter-agency engagement sessions involving industry players to find out the main problems related to the supply issue.

"They are committed to increasing production. We are in the recovery process," he told reporters after the 2022 National World Veterinary Day celebration here yesterday, Bernama reported.

From these engagement sessions, it was found that the shortage was influenced by several factors such as climate change, disease, lack of workers and the use of open cages and unscheduled chicken vaccination processes, he added.

According to Dr Norliza, almost 80% of chicken breeders in the country use open poultry houses, which are exposed to odour and fly pollution, and only a few of them use the enclosed chicken coop system with optimal technology.

Agriculture and Food Industries Ministry secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid confirmed that the situation is improving.

Earlier, in her speech, Haslina said the ministry, through the department, has formulated various strategies on animal welfare, including curbing livestock diseases and ensuring that the food supply from animal products is always sufficient.

She added that the government has agreed to set up the National Ruminant Board to further boost the industry's growth.